


NOOR HASILAH ISMAIL | FIRDAUS ZAINAL



# IDEALIS

25959  
HI

SYED HAMID ALBAR





# IDEALIS

*Syed Hamid Albar*

**NOOR HASILAH ISMAIL  
FIRDAUS ZAINAL**

**PUSTAKA PERDANA**



**1013621**

**ILHAM BOOKS**  
Kuala Lumpur  
2024



**IDEALIS: SYED HAMID ALBAR**

Hak Cipta Terpelihara @ Noor Hasilah Ismail & Firdaus Zainal, 2024  
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2024

Cetakan Pertama, 2024

ILHAM BOOKS (002683798-H)  
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3  
Nilai Square, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: [www.facebook.com/ilhambooks](http://www.facebook.com/ilhambooks)  
Email: [admin@ilhambooks.com](mailto:admin@ilhambooks.com)  
Website: [www.ilhambooks.com](http://www.ilhambooks.com)  
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.



Ketua Editor: Muhammad Din  
Editor: Hanis Sofiya  
Pruf: Nurul Syazwani  
Atur Huruf: Hanis Sofiya  
Reka Kulit: Ismah Fauji  
Jualan & Pemasaran: Naim Siddiqi & Harith Hilmie

Dicetak oleh Firdaus Press Sdn. Bhd.  
No. 28, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor

923.2595

# ISI KANDUNGAN

<b>PANDANG SISI</b>	vii
<b>SEKAPUR SIREH</b>	xi
<b>PROLOG</b>	xv
<b>MUQADDIMAH</b>	xvii
<b>Bab 1</b> Perjalanan Hidup Penuh Ranjau 'Singa UMNO' Demi Agama, Bangsa dan Negara	21
<b>Bab 2</b> Benih Yang Baik Jatuh ke Laut Menjadi Pulau	41
<b>Bab 3</b> Terjun ke Bidang Politik	61
<b>Bab 4</b> Kesetiaan Kepada Pemimpin dan Parti	73
<b>Bab 5</b> Menggalas Amanah Bangsa dan Negara	83
<b>Bab 6</b> Berani Membelah Badai	95
<b>Bab 7</b> Memahat Nama di Persada Antarabangsa	107
<b>Bab 8</b> Berundur dari Politik	117
<b>Bab 9</b> Masa Hadapan UMNO	135
<b>Bab 10</b> Syed Hamid di Mata Kenalan	145
<b>EPILOG</b>	195
<b>ANUGERAH PINGAT KEBANGSAAN DAN PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA</b>	205
<b>TENTANG PENGARANG</b>	207
<b>NOTA Hujung</b>	209
<b>BIBLIOGRAFI</b>	213



## PANDANG SISI

Saya masih ingat dalam satu perbualan tentang politik semasa Malaysia dengan arwah ayahanda saya<sup>1</sup> sekitar 20 tahun lalu, beliau bertanya saya yang ketika itu baharu beberapa tahun menongkah karier sebagai saintis politik di Universiti Sains Malaysia, siapakah agak-agak pemimpin UMNO yang boleh diharapkan lagi untuk memimpin negara pada masa ini? Sebagai konteksnya, ayah saya selaku anak jati Kedah merupakan penyokong tegar Dr. Mahathir Mohamad pada era kegemilangan gabungan Barisan Nasional memerintah negara ini, namun beliau berubah selepas kecewa dengan perkembangan politik Malaysia pasca-Reformasi bermula tahun 1998. Lantas saya menjawab kepada ayah saya, ‘Syed Hamid Albar.’ Jawapan saya membuatkan ayah saya terdiam seketika dalam nada berbisik agaknya, “betul jugak budak ni cakap,” dan beliau memberi reaksi kemudiannya, “Hmmm, he seems to be a sober person” yang jika diterjemah kepada Bahasa Melayu, akan bermaksud lebih kurang, dia i.e. Syed Hamid Albar antara pemimpin (UMNO) yang tidak mabuk atau *sensible*.

Jawapan saya di atas yang bersifat *instinctive* dua puluh tahun lepas bagi saya telah dibuktikan oleh buku *Idealis Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar* karya Noor Hasilah Ismail dan Firdaus Zainal – seorang penulis muda berbakat besar dan bekas anak murid saya pada peringkat Sarjana Muda (Sains Politik) di Universiti Sains Malaysia. Dengan menelusuri kisah kehidupan Tan Sri Syed Hamid Albar yang penuh liku dan ranjau ini, pembaca dibawa menghayati cabaran, dugaan dan pahit maung yang dilalui seorang veteran politik UMNO dalam merealisasikan idealisme politiknya. Idealisme politik Syed Hamid Albar bertitik tolak daripada patriotisme beliau yang cukup mendalam dan ikhlas terhadap negaranya, yang disulami pula oleh kecintaan yang tidak berbelah bahagi terhadap agama Islam dan rasa sayangnya kepada bangsa Melayu. Beliau mengesapi kemuncak kariernya sebagai seorang menteri kabinet dari tahun 1990 hingga 2009, yang ditandai oleh tahun-tahun yang cukup

1. Allahyarham Profesor Madya Dato’ Abdul Hamid Ayob (1936-2010) pernah memegang beberapa jawatan di Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga merupakan mantan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Utara Malaysia (UUM), 1984-1987.

bersejarah sebagai Menteri Luar Negeri (1999-2008) sehinggakan nama beliau sinonim dengan Wisma Putra ketika itu. Namun begitu, sebagaimana dilakarkan oleh Noor Hasilah dan Firdaus, laluan ke puncak itu tidak semudah yang disangkakan. Beliau terpaksa berdepan dengan pengkhianatan, fitnah dan politik benci dari bukan orang lain melainkan rakan-rakan politik dalam parti sendiri. Idealisme jugalah yang ‘memaksa’ tokoh ini untuk akhirnya berundur dari politik UMNO dan seterusnya dari politik kepartian sendiri walaupun beliau sempat terlibat sekejap dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) semasa ia di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perkenalan saya secara langsung dengan Tan Sri Syed Hamid Albar, sungguhpun saya telah lama mengagumi beliau, bermula ketika pertemuan ringkas dengan beliau dalam majlis makan malam anjuran Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya di Hotel Royal Chulan Damansara, Petaling Jaya, Selangor, pada 5 Mac 2018. Jamuan itu bersempena Persidangan Malaysia – Republik Indonesia 2018: Dinamika Hubungan Malaysia – Republik Indonesia: Persamaan Dalam Perbezaan, di mana saya dijemput membicarakan persoalan ‘Gerakan Islam di Malaysia dan Indonesia,’ sementara Tan Sri Syed Hamid Albar pula dijemput sebagai pembicara slot *dinner talk* dalam kapasitinya selaku mantan Menteri Luar Negeri. Saya masih ingat dengan jelas beliau bercerita bagaimana beliau menyelesaikan masalah Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid i.e. Gus Dur yang telah membuat permintaan yang melanggar protokol dengan memohon berjumpa dengan bekas pemimpin Darul Arqam, Ustaz Ashaari Muhammad yang ketika itu sedang ditahan di bawah Perintah Kediaman Terhadap di Rawang, semasa lawatannya ke Malaysia. Sementelahan pula isu Darul Arqam merupakan topik penyelidikan saya dalam bidang tujahan politik dan agama, dan perihal pertemuan langsung Gus Dur dengan Ustaz Ashaari Muhammad sebelum Gus Dur diangkat menjadi Presiden Indonesia sudah pernah saya sentuh dalam sebuah makalah jurnal saya.<sup>2</sup>

Tuhan mentakdirkan kami bertemu semula di Hotel Tabung Haji (TH), Kuala Terengganu, pada 3 April 2018. Pertemuan ini bukan diatur kerana kami ke Kuala Terengganu atas urusan berlainan; esoknya saya dijadual menyampaikan ceramah berjudul *Tips & Tricks in high impact journal publication* dalam Bengkel Penerbitan Berimpak Tinggi (Sains Sosial) anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

2. Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2001), ‘Pemerintah dan Gerakan Islam di Malaysia’, *Pemikir*, bil. 23, Januari- Mac, ms. 111-158.

Dalam perbualan singkat kami di sofa ruang istirahat Hotel TH itu, saya tersentak dalam kekaguman mendengar betapa ghairahnya Tan Sri Syed Hamid Albar yang meniti usia senjanya dalam soal ilmu, malah beliau berkata akan menghubungi saya untuk mendalami lagi ilmu falsafah. Tetapi memahami kesibukan seorang tokoh masyarakat seperti Tan Sri Syed Hamid Albar, saya tidaklah menaruh harapan besar bahawa beliau akan benar-benar menghubungi saya. Namun, tanpa dirancang, pada tahun 2019, pihak Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), telah melantik saya selaku pemeriksa luar kepada tesis Sarjana Tan Sri Syed Hamid Albar bertajuk *Ibn Khaldun's Theory of Asabiyyah and 'Umran: The Case of the Declining Political Power of UMNO*. Kata pepatah Inggeris, *the rest is history*. Walaupun hubungan di antara penulis dengan pemeriksa tesis tidaklah seintim hubungan di antara calon pasca-siswazah dengan penyelia tesis, namun hubungan ini mewujudkan satu titik pertalian yang biasanya akan dikenang oleh seseorang pelajar hingga akhir hayatnya. Saya ketawa sendirian apabila dalam perbualan kami kemudian hari Tan Sri Syed Hamid Albar secara berjenaka melahirkan ketidakpuashatian kerana terpaksa melakukan banyak pembetulan kepada tesisnya sepertimana diminta oleh saya selaku pemeriksa luar.

Dalam ziarah saya ke rumah Tan Sri Syed Hamid Albar di Bukit Damansara pada 7 September 2023 selepas membenteng kertas kerja di persidangan 'Peace and Prosperity in Muslim Majority Countries and Beyond' anjuran Islam and Liberty Network (ILN), saya sempat bercerita tentang kisah perbualan saya dengan ayahanda saya yang telah diceritakan di permulaan prakata ini. Beliau merespon dengan tenang bahawa tidak sebagaimana calon-calon jawatan tinggi UMNO yang lain, beliau tiada *fulus* untuk membiayai kempen yang mewah dalam era di mana politik UMNO sudah diselubungi oleh penyakit politik wang. Bagi saya, Tan Sri Syed Hamid Albar, selain Tengku Razaleigh Hamzah, merupakan calon yang sesuai diberi jolokan *Malaysia's best Prime Minister that we never had*. Integriti yang ditunjukkan beliau sepanjang berada di puncak kuasa amat menakjubkan tatkala ahli politik UMNO ketika itu dihipit oleh materialisme atau dalam istilah agama, cinta dunia. Akhirnya penyakit *al-wahn* inilah, sepertimana yang pernah disabdakan oleh Junjungan Besar Rasulullah SAW akan menjangkiti umat akhir zaman, yang menjatuhkan UMNO. Hingga hari ini, jumlah perwakilan UMNO dalam Parlimen tidak mampu mengatasi jumlah wakil rakyat Parti Islam SeMalaysia (PAS), Parti Tindakan Rakyat (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan PPBM masing-masing.

Ada dua ciri penting perjuangan Tan Sri Syed Hamid Albar yang amat wajar disanjung. Pertama, hubungan dengan Tuhan yang sentiasa dijaga walau dalam keadaan apa sekalipun. Noor Hasilah dan Firdaus menukilkan bagaimana dalam pemusafiran beliau Tan Sri Syed Hamid Albar sentiasa menjaga solat dan kerap mengajak anak-anak buahnya di kementerian atau jabatan berjemaah sekali. Kedua, hubungan ukhwh sesama manusia yang sangat dijaga oleh Tan Sri Syed Hamid Albar, hingga program makan bersama, malah di gerai-gerai tepi jalan biasa, menjadi kelaziman Tan Sri Syed Hamid Albar. Ini sekaligus pengajaran untuk politikus UMNO sekiranya mereka mahu bangun semula, di samping sudah pastinya usaha menghapuskan rasuah yang bermula dari dalam diri dan parti sebelum menjangkau ke peringkat negara.

**PROF. AHMAD FAUZI BIN ABDUL HAMID,**  
BA Hons, MA (Oxford), MA (Leeds), Ph.D. (Newcastle, UK)

*Profesor (Sains Politik), Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang.*

## SEKAPUR SIRIH

Apabila diminta menulis kata pengantar untuk biografi Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar, mantan Menteri Luar Negeri Malaysia, saya telah menyatakan kepada penulisnya, Noor Hasilah, kenapa saya? Seharusnya kata pengantar untuk buku ini wajar ditulis oleh Perdana Menteri atau mantan-mantan Perdana Menteri ataupun tokoh-tokoh penting negara memandangkan Syed Hamid pernah menjawat jawatan-jawatan kanan. Selain dari memegang portfolio Menteri Luar Negeri, dia pernah menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Undang-Undang, Menteri Dalam Negeri dan juga Pengerusi SPAD. Dia juga pernah diamanahkan oleh kerajaan untuk menjadi wakil Malaysia dalam hal-hal diplomasi antarabangsa termasuk persoalan Myanmar dan lain-lain.

Namun, menurut penulis, Syed Hamid sendiri meminta saya menulis kata pengantarnya. Sebab yang diberikannya sama seperti jawapan saya ketika saya mengundangnya untuk melancarkan buku sajak saya yang ketiga, *Ketawalah, Tanahairku - Sajak Sajak Resistencia*. Syed Hamid memulakan perjalanannya sebagai seorang aktivis muda yang pernah memimpin Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK), sebuah organisasi pelajar yang antara penggerak awalnya termasuk Tunku Abdul Rahman. Kebetulan sekitar sepuluh tahun kemudian saya dipilih untuk menjadi Presiden KMUK dan menggerakkannya ke arah yang lebih kritikal, tapi itu adalah cerita lain.

Syed Hamid juga pernah memimpin Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC) dan anggota pimpinan Pemuda UMNO sebelum kemudiannya menjadi Ketua Kelab UMNO United Kingdom sewaktu dia bertugas sebagai Pengurus Bank Bumiputera di London. Pada zaman itulah saya mula berkenalan dengannya kerana saya sendiri memimpin gerakan pelajar KMUK dan seterusnya Majlis Persatuan-persatuan Pelajar Malaysia (MPPM), kini dikenali sebagai UKEC. Sewaktu itulah kami sering berada di forum-forum serata London dan United Kingdom.

Membaca *Idealis* meninggalkan kesan cukup mendalam bagi saya sewaktu pertama kali menelitinya. Buku yang mengisahkan perjalanan

hidupnya dari tahun-tahun awal kehidupan belajar di negara orang, bersanding di London, bertugas sebagai majistret dan kemudian pegawai undang-undang di Bank Bumiputera, menceritakan kepada kita suatu perjalanan yang cukup bererti. Tapi lebih penting dari itu, lebih penting dari soal lima penggal dia sebagai menteri dalam kabinet Dr. Mahathir, Abdullah Ahmad Badawi dan seterusnya adalah cerita di sebalik layar yang tidak diketahui ramai kerana sikapnya yang tidak ingin mengocak air yang tenang.

Cerita bagaimana dia digugurkan pada saat akhir sebagai calon pilihan raya umum pada tahun 1986 dan akhirnya dia telah disahkan sebagai Pengerusi Lembaga Urusan Tabung Haji namun ditarik balik di saat-saat akhir cukup memberitahu kita bagaimana intrik dan 'unsavory sides of politics' di negara tercinta ini. Bacalah sendiri pengisahan oleh penulis berkenaan episod-episod seperti ini untuk mengetahui apa yang telah berlaku yang kini telah pun berada dalam lipatan sejarah negara.

Pada awal tahun 2022, Syed Hamid mengumumkan persaraan daripada politik dengan melepaskan keahlian serta jawatannya dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Sikapnya yang tidak ingin mengocak air yang tenang ini adalah antara sebab kenapa perkara-perkara seperti itu tidak diketahui umum. Syukur alhamdulillah, kini masyarakat yang lebih luas boleh mengetahui cerita sebenar. Pada hemat saya ini penting kerana dalam proses membangun negara bangsa yang bertamadun dan hebat kita harus berupaya untuk berterus-terang demi menggapai pelajaran dan iktibar dari setiap perlakuan.

Saya masih ingat pada tahun 1993 ketika pertandingan yang seru berlaku di dalam parti pemerintah waktu itu, namanya telah dicalonkan untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO. Pada waktu yang sama kumpulan, apa yang dikenali sebagai Team A yang umum mengetahui dikepalai oleh Anwar Ibrahim, telah mencalonkan Ketua Menteri Melaka, Abdul Rahim Thamby Chik. Sementara seorang lagi calon adalah Mohd Isa Abdul Samad. Menjelang pemilihan, Syed Hamid telah mengumumkan penarikan diri dari pertandingan tersebut walaupun di atas kertas dia kelihatan sebagai calon yang terbaik di antara ketiga-tiga itu. Ketika bertembung sewaktu turun dan naik eskalator saya telah bertanya kepadanya, "Kenapa tarik diri daripada bertanding?" Jawapannya sambil sedikit tersenyum, "You know the reason why."

Demikianlah Syed Hamid, ketika saat-saat paling mencabar dalam kehidupannya, tetap tenang dan jauh sekali daripada marah-marah. Barangkali ini akibat disiplin seorang peguam, seorang korporat, seorang

*team player* dan yang penting sekali berkat pendidikan oleh orang tuanya termasuk ayahandanya, Syed Jaafar Albar (Almarhum).

Pada saya meskipun kami mempunyai perspektif yang berbeda di dalam beberapa hal dan juga persetujuan dalam beberapa hal yang lain, semua ini tetap dalam lingkungan mencari sesuatu rumusan yang terbaik demi membangunkan masyarakat dan negara tercinta ini. Saya tetap menghormati sahabat saya ini yang sempat kami berada bersama-sama menjadi ahli lembaga pengarah Syarikat Utusan Melayu untuk beberapa waktu sebelum dia dipilih menjadi calon pilihanraya, menang dan seterusnya menjadi menteri. Dia juga antara figura awal yang membicarakan soal perbankan yang lebih menepati kehendak Islam, jauh sebelum Bank Islam ditubuhkan.

Saya mengucapkan syabas kepada penulis ini yang juga telah mengumpulkan catatan-catatan ringkas daripada sahabat-sahabat dan bekas kakitangannya. Ini termasuklah Syed Rahman Tuan Kuning, Jalaluddin Kassim, Dato Wira Dr. Rosli Mat Hassan, KK Tung, Dato Goh Hin San, Tun Zaki Azmi, Mergawati Zulfakar, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Mejar Jeneral (B) Datuk Baharuddin Abd Kadir, T.Y.T Tun Dato Seri Utama Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, R. Suresh Kumar, Dato Wira Ku Rahman Ku Ismail, Tan Sri Hasmy Agam, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan Noor Hisham Mohd Taha. Di samping itu, penulis juga telah mengutip pandangan isterinya Puan Sri Sharifah Aziah dan juga dari kaca mata anak-anaknya.

Tahniah juga kepada penulis kerana dengan terhasilnya buku ini moga-moga khidmat, jasa dan bakti Syed Hamid akan dikenang oleh masyarakat dan diambil pengajaran daripadanya. Semoga penulis konsisten dan istiqomah dalam kerjaya penulisan bukunya berbekalkan pengalaman puluhan tahun sebagai wartawan yang ternama.

**RAJA AHMAD AMINULLAH**



## PROLOG

**M**enjadi satu kelaziman seorang ahli politik dilihat sebagai individu yang mempunyai pelbagai keistimewaan sama ada dari sudut kewangan, pengaruh dan kedudukan. Namun, tidak ramai yang tahu bahawa ahli politik juga melalui proses kehidupan yang sama dengan masyarakat di luar. Mereka belajar dari kehidupan untuk berdikari, menjalani proses jatuh bangun dalam fasa-fasa kehidupan sebelum berjaya bangun semula dan meningkat naik. Seorang ahli politik menjalani kehidupan yang serba mencabar dalam kelasnya yang tersendiri. Perjuangannya membawa harapan yang tinggi daripada kelompok masyarakat yang diwakilinya. Ahli politik tidak hanya bergelut untuk menyelesaikan masalah masyarakat sahaja tetapi mereka juga terpaksa berdepan dengan permainan politik dalam parti yang diwakili mereka.

Setelah berkecimpung di dalam politik lebih lima dekad, kini tiba masanya untuk saya berkongsi kisah dan pengalaman saya sepanjang berada dalam politik tanah air sebagai panduan kepada generasi muda dan sesuatu yang bermanfaat untuk ditinggalkan sebelum saya memejam mata. Pada hemat saya, kita tidak dapat menoleh ke belakang untuk memahami sesuatu peristiwa penting dan mengenali aktor-aktor di dalamnya jika ia tidak dinaratifkan di dalam catatan biografi seperti buku ini. Melalui catatan biografi ini, masyarakat akan lebih mengenali dan memahami kisah di sebalik tabir sesuatu peristiwa dan bagaimana aktor politik tersebut memainkan peranannya dalam menjayakan sesuatu matlamat.

*Idealis* dipilih sebagai judul buku ini kerana istilah ini mempunyai makna yang sangat bererti dengan perjuangan politik saya selama lebih lima dekad. Saya dibesarkan dengan penuh kasih sayang, sokongan dan didikan sempurna oleh ibunda dan ayahanda saya yang merupakan seorang nasionalis Melayu. Melalui ayahanda, saya mempelajari selok-belok politik Melayu dalam UMNO dan pengalaman mengikuti beliau berkempen ketika menjadi wakil rakyat memberikan kefahaman yang jelas kepada saya tentang maksud dan praktis politik. Walau bagaimanapun, saya hanya terjun menceburi bidang politik setelah beliau meninggal dunia.

Idealisme saya adalah untuk mengangkat kebenaran dan menjunjung keadilan dalam kehidupan walaupun ia dilihat mustahil dilakukan dalam sistem dunia yang rencam. Saya percaya bahawa nasib sesuatu bangsa tidak akan dapat diubah kecuali mereka sendiri berusaha untuk merubahnya. Oleh itu, saya memilih jalan politik untuk membawa perubahan demi agama, bangsa dan negara. Namun, saya sedar jalan orang politik tidak mudah. Mereka perlu berjuang dan cekat menempuh segala rintangan yang ada di hadapan untuk berjaya sampai ke puncak. Saya juga sedar bahawa saya akan diuji dengan pengaruh, wang dan kuasa dalam perjuangan ini. Namun, saya bersyukur kerana saya telah berjaya melepasi ujian ini dan menempatkan diri sebagai sebahagian daripada mereka yang telah berkorban demi negara. Buku ini adalah catatan pengalaman saya yang tidak mungkin saya lupakan.

Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, isteri dan ahli keluarga saya kerana memberi tunjuk ajar dan bersama-sama saya di dalam perjuangan ini. Tidak lupa juga kepada mereka yang bertungkus-lumus menjayakan penerbitan buku ini. Semoga Allah merahmati kita semua.

**TAN SRI DR. SYED HAMID ALBAR**

## MUQADDIMAH

**C**ambridge Dictionary mendefinisikan idealis sebagai “seseorang yang percaya bahawa perkara-perkara yang sangat baik boleh dicapai, walaupun ia dilihat sebagai tidak mungkin bagi orang lain.” Idealis membawa makna yang begitu besar dalam kehidupan seseorang yang telah mengharungi pelbagai ranjau dan rintangan dalam perjalanan politik yang percaya bahawa politik adalah jalan bagi mensejahterakan kehidupan dan mencapai keadilan. Buku ini merupakan secebis kisah biografi politik seorang Idealis bernama Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar yang telah berhadapan dengan ujian, pergolakan, dan jatuh bangun dalam politik selama lebih tiga puluh tahun berkecimpung dalam politik Malaysia.

Fasa kehidupan awal Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar banyak dicorak oleh ayahandanya, seorang nasionalis Melayu bernama Tan Sri Syed Jaafar Albar. Seorang yang begitu tegas dan lantang dalam mempertahankan hak dan kepentingan orang Melayu sehingga digelar sebagai Singa UMNO, Tan Sri Syed Jaafar Albar memegang falsafah menegakkan kebenaran berdasarkan semangat nasionalisme Melayu dan kebangsaan. Prinsip ini kemudian diwarisi Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar yang sentiasa berpegang kepada prinsip kebenaran dan sentiasa positif dalam segala perkara. Melalui falsafah ini, idealisme beliau dibentuk, dikembangkan dan dipraktikkan dalam persekitaran politik yang mencabar dengan mempertahankan nilai-nilai yang murni dan positif dalam mencapai keadilan dalam kehidupan. Elemen-elemen ini kemudian mencorakkan siapa sebenarnya Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar seperti yang terkandung di dalam buku biografi ini.

Hampir seluruh kehidupan beliau diabdikan untuk politik Melayu dengan memilih untuk berjuang di dalam UMNO. Dibesarkan dalam keluarga nasionalis Melayu UMNO, Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar mempelajari selok-belok politik dari ayahandanya sehinggalah ayahandanya pergi menemui Ilahi ketika masih berjuang bersama UMNO. Di dalam UMNO yang mempunyai sistem hierarki dan feudalisme Melayu yang kuat, Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar bergelut untuk mendaki ke puncak kuasa. Namun, perjuangan beliau sentiasa

dilatari dengan ujian dan rintangan yang merencatkan perjalanan politik beliau. Ini dapat diperhatikan bagaimana beliau berhadapan dengan kegagalan dilantik sebagai calon, dipinggirkan kerana bertindak menentang arus dengan bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO menentang Anwar Ibrahim dan juga politik di peringkat bahagian. Pengenalannya kepada politik sehingga berada di medan perjuangan politik sebenar terkandung di dalam bab satu hingga empat di dalam buku ini.

Namun, seorang idealis sentiasa optimis bahawa dunia mampu bergerak ke arah kesejahteraan dan keadilan sekiranya semua manusia mengambil sikap tidak melangkaui aturan-aturan hidup yang telah ditetapkan bagi memenuhi nafsu dan keinginan mereka. Latar belakang pendidikan dalam bidang undang-undang oleh Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar telah menjadikan beliau cenderung untuk melihat dunia yang dicorak dengan keadilan dan kesejahteraan.

Lantas beliau menzahirkan idealisme beliau melalui peranan beliau sebagai menteri kabinet dalam beberapa portfolio penting yang dipegangnya iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Luar dan Menteri Dalam Negeri. Beliau mempertahankan idealisme dalam persekitaran politik yang begitu mencabar sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Peranan beliau begitu menonjol ketika menjawat jawatan sebagai Menteri Luar dengan membawa nama Malaysia di pentas dunia melalui hubungan unilateral dan multilateral. Di peringkat domestik pula, beliau mempertahankan idealisme beliau dalam beberapa isu seperti pelaksanaan ISA. Penceritaan lanjut dinukilkan di dalam bab lima hingga tujuh.

Setelah lebih lima dekad dalam dunia politik, Tan Sri Dr. Syed Hamid mengumumkan persaraannya. Kegagalan UMNO untuk berubah dan tersasar dari landasan sebenar perjuangan parti menguatkan rasa beliau untuk meninggalkan parti. Namun, beliau masih menjadi pemerhati politik yang setia dan sentiasa bersedia menyumbang idea dan pemikiran bagi membangunkan negara yang tercinta. Bibit-bibit akhir perjuangan politik dan harapan terhadap UMNO, parti yang telah berjasa kepada beliau dinukilkan di dalam bab lapan hingga sembilan.

Di akhir buku ini bab 10, disertakan pandangan kenalan Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar dari dalam dan luar politik termasuk ahli keluarga beliau sendiri. Pandangan ini diperolehi melalui temu ramah penulis bersama informan yang mengambil masa beberapa bulan untuk disiapkan. Pembaca dapat mengenali Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar secara

dekat melalui cetusan dan luahan rasa kenalan beliau yang ditanskription secara terus dari sesi temuramah. Seorang idealis yang telah berjaya mengharungi ranjau yang berliku sepanjang lebih tiga puluh tahun perjuangan dalam politik, “Idealis” sebuah buku biografi yang membawa pembaca meneroka kisah perjuangan politik seorang insan bernama Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar.



## Bab 1

# PERJALANAN HIDUP PENUH RANJAU 'SINGA UMNO' DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA

Tidak lengkap menulis biografi Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar tanpa disisipkan kisah perjuangan seorang nasionalis Melayu bernama Tan Sri Syed Jaafar Albar yang merupakan ayahanda beliau. Nama sebenar beliau ialah Syed Jaafar bin Syed Hassan Albar. Syed Jaafar Albar adalah individu yang bertanggungjawab membentuk sahsiah diri dan mempersiapkan Syed Hamid untuk berjuang di medan politik demi agama, bangsa dan negara. Malah dalam menyoroti kisah perjuangan Syed Hamid dalam politik, penulis mendapati karakter dan ketegasan Syed Hamid dalam mendepani cabaran dalam berpolitik banyak dipengaruhi oleh didikan dan asuhan ayahandanya.

Nama Syed Jaafar Albar tidak asing dalam tulisan sejarah awal nasionalis Melayu. Jasa dan pengorbanan beliau dalam memperjuangkan hak-hak orang Melayu serta kelantangan beliau dalam mendepani cabaran dari kaum bukan Melayu menjadikan nama beliau kekal menjadi perbincangan sarjana politik di dalam artikel jurnal akademik dan buku biografi pemimpin awal Malaysia dan Singapura.<sup>1</sup> Syed Jaafar Albar digelar sebagai 'Singa UMNO' kerana kelantangannya mempertahankan hak-hak orang Melayu. Beliau adalah satu-satunya pemimpin UMNO yang mendapat gelaran itu kekal sehingga ke hari ini. Hal ini diperakui oleh Subky Latif dan Chamil Wariya yang menulis buku *Dilema Pemuda UMNO*:

"Albar tidak perlu diperkenalkan kerana orang ramai sudah kenal. Dia juga satu-satunya yang bergelar 'Singa UMNO' kalau diakui UMNO patut ada singa. Dia diberi gelaran itu kerana keberaniannya menyelar siapa saja yang dikira berbahaya untuk UMNO dan dia bukan sekadar bercakap, malah sanggup menggunakan tenaga demi kepentingan maruah parti dan kerajaan partinya."<sup>2</sup>

Syed Jaafar Albar, berasal dari Sulawesi sebelum berhijrah ke Singapura dan kemudian ke Malaysia. Di dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Syed Jaafar Albar pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung dan Ketua Pemuda. Manakala di peringkat kabinet Malaysia, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Penerangan di bawah era Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra. Isteri beliau (ibu kepada Syed Hamid), Puan Sri Sharifah Fatimah Syed Salim pula adalah anak seorang saudagar gaharu di Singapura yang sentiasa gigih menyokong perjuangan suaminya dalam politik, dan pada masa yang sama membesarkan dua belas orang anak tanpa bantuan pengasuh. Perkahwinan mereka diatur oleh ibu bapa masing-masing.

Sejak dari kecil lagi, perjalanan hidup Syed Jaafar Albar dipenuhi dengan segala onak dan ranjau. Pengalaman hidup yang penuh liku inilah yang memantapkan diri beliau seterusnya membentuk keperibadian beliau sebagai seorang nasionalis Melayu. Ayah beliau berasal dari Sumatera. Ayahnya turut serta ketika Indonesia bergelut memperjuangkan kemerdekaan dari penjajahan Belanda. Berikutan penentangan Syed Hassan Albar yang keras terhadap Belanda, beliau akhirnya dibuang ke Sulawesi. Pada waktu itu, Syed Jaafar Albar baru berusia dua belas tahun dan adiknya Syed Abdullah berusia sepuluh tahun. Bimbang akan keselamatan anak-anaknya, beliau kemudian mengambil keputusan untuk menghantar mereka ke Singapura. Syed Jaafar dan adiknya mengharungi perjalanan di atas kapal berdua dan ketibaan mereka disambut oleh datuknya (di sebelah ibu).

Keluarga Syed Jaafar Albar sangat mementingkan pendidikan agama. Ketika di Singapura, Syed Jaafar Albar menuntut di Madrasah Al-Junid, sebuah madrasah kedua tertua di Singapura yang telah melahirkan ramai cendekiawan Islam di seluruh Asia Tenggara. Antara bekas pelajar Madrasah Al-Junid ialah Pehin Dato Seri Utama Dr. Haji Mohamad Zain Haji Serudin, mantan menteri Agama Brunei<sup>3</sup> dan mantan Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak dan Ketua Menteri, Tun Abdul Rahman Yaakub.<sup>4</sup> Singapura menyimpan pelbagai kenangan pahit manis buat Syed Jaafar Albar kerana di sinilah beliau turut menyumbang ilmu dengan mengajar. Di kota Singa ini juga, anakanda Syed Jaafar Albar yang merupakan abang kepada Syed Hamid meninggal dunia ketika berusia tujuh bulan. Sedih dengan pemergian anakanda tercinta, mereka sekeluarga berpindah ke Johor memandangkan di sana terdapat ramai sanak-saudara mereka.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1942-1945 menandakan satu titik hitam dalam sejarah orang Melayu. Ini kerana dalam tempoh ini pentadbiran Tanah Melayu telah diolah mengikut nilai yang diterapkan Jepun sehingga menghakis kekuasaan politik Melayu.<sup>5</sup> Orang Melayu berasa tertekan dengan penindasan tentera Jepun. Kekejaman yang dilakukan tentera Jepun telah membangkitkan penentangan orang Melayu terhadap Jepun. Syed Jaafar Albar tidak terkecuali dalam menunjukkan pemberontakan terhadap tentera Jepun. Semangat cintakan tanah air dari penjajahan kuasa asing mendorong beliau melakukan sabotaj ke atas sistem komunikasi tentera Jepun. Pada waktu itu, beliau bersama keluarganya menetap di Kedah dan kemudian berhijrah sekali lagi ke Pulau Pinang.

Setelah tentera Jepun berundur dari Malaya, Syed Jaafar Albar berhijrah pula ke Kota Bharu, Kelantan bagi menjawat jawatan sebagai guru besar di Madrasah Al-Islah Padang Bongor bagi memenuhi permintaan Nik Mohd Mohiyidin Musa yang merupakan anak Mufti Kelantan.<sup>6</sup> Syed Jaafar Albar bukan sahaja berperanan sebagai seorang mudir tetapi beliau juga telah membangkitkan semangat kebangsaan pelajarinya melalui pidato beliau yang banyak menyentuh isu penjajahan dan kemerdekaan. Antara isi penting dalam pidato beliau ialah mengenai peranan ilmu pengetahuan dalam kehidupan seseorang, pena lebih tajam daripada pedang, mukjizat al-Quran, pentingnya kemerdekaan, kehinaan di bawah penjajah, budaya berfikir dan pentingnya kerja kuat dan lain-lain.<sup>7</sup> Menurut Bushra Yusoff, pada ketika itu, Syed Jaafar Albar telah menjadi ahli UMNO. Beliau menggabungkan semangat nasionalisme Melayu dengan elemen agama Islam bagi membangkitkan kesedaran pelajar-pelajarinya.

Selepas pendudukan Jepun berakhir, British kembali ke Tanah Melayu dengan membawa pelan perancangan pentadbiran yang baharu. British mewajibkan setiap guru agama mendapatkan permit untuk mengajar yang jelas mahu mencampuri urusan agama orang Melayu. Syed Jaafar Albar menolak dasar yang diperkenalkan British kerana marah dengan tindakan pegawai British di Jabatan Penerangan yang baginya mahu mencampuri urusan agama Islam dan pendidikan. Beliau kemudiannya meletakkan jawatannya sebagai guru besar di sekolah tersebut. Di sini dapat dilihat ketegasan Syed Jaafar Albar khususnya perkara yang melibatkan agama Islam dan bangsa Melayu.

Tindakan Syed Jaafar Albar ini ada asasnya. Ini kerana beliau merupakan seorang yang sering dilabel dalam sejarah sebagai konservatif yang mempertahankan nilai-nilai tradisi Melayu dan Islam. Campur

tangan Inggeris dalam soal pendidikan dan agama Islam sebenarnya mempunyai muslihat tertentu yang seakan telah dapat dibaca oleh Syed Jaafar Albar. Misalnya Ishak Saat menyatakan pihak Inggeris datang ke Tanah Melayu bukan sahaja bertujuan untuk menjajah tetapi mahu mengubah keseluruhan sistem kehidupan dan aliran pemikiran orang Melayu.<sup>8</sup> Perubahan ini berlaku secara evolusi bermula daripada perubahan sistem pentadbiran, politik, ekonomi, sosial, budaya dan sistem pendidikan. Perubahan yang dilakukan British ini berjaya mengasingkan orang Melayu dengan agama Islam. Tambah beliau, Inggeris berjaya melahirkan orang Melayu yang berjiwa Inggeris dan melihat agama Islam hanya sebagai ritual semata-mata. Kesannya pertautan orang Melayu dan Islam seperti sebelumnya semakin longgar dan lahirlah generasi yang semakin terpisah dengan agama mereka.

Latar belakang dalam pendidikan agama dan dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan ajaran Islam menjadikan Syed Jaafar Albar berpegang kepada dua elemen yang sangat kuat dalam dirinya iaitu agama Islam dan Melayu. Beliau menjadi 'Singa' apabila dua elemen yang menjadi pertautan orang Melayu dicabar oleh mana-mana kaum. Misalnya ketika UMNO berdepan dengan MCA dalam isu bahasa dan pendidikan, Syed Jaafar Albar dengan lantang pernah menyatakan bahawa UMNO adalah parti Islam.<sup>9</sup> Pendirian yang tegas dalam menggelaskan UMNO sebagai parti Islam adalah sesuatu yang boleh dianggap sebagai berani pada waktu itu kerana Tunku sebagai Presiden UMNO cenderung untuk menjadikan Malaysia sebuah negara sekular. Ini kerana Syed Jaafar Albar menganggap Islam dan Melayu tidak dapat dipisahkan dari orang Melayu.

## **Melangkah ke Medan Juang**

Tidak lama selepas meninggalkan sekolah berkenaan, Syed Jaafar Albar dihubungi rakan baiknya, Syed Alwi bin Syed Sheikh Al-Hadi. Syed Alwi merupakan seorang nasionalis Melayu, pengarang dan ahli akademik. Beliau merupakan anak kepada Syed Sheikh Al-Hadi, seorang reformis Melayu-Islam yang terkenal dalam sejarah Tanah Melayu. Syed Alwi merupakan salah seorang pengasas terawal UMNO bersama Dato' Onn Jaafar, Haji Anwar bin Abdul Malik dan Mohamad Noah Omar.<sup>10</sup> Syed Alwi berkhidmat dengan UMNO sebagai pegawai penerangan parti. Beliau telah menjelajah ke seluruh pelosok tanah air bagi menyatukan orang Melayu di bawah UMNO.

Syed Alwi telah mempelawa Syed Jaafar Albar untuk menetap di Johor. Beliau telah mencadangkan kepada Dato' Onn Jaafar untuk mempelawa Syed Jaafar Albar menetap di Johor. UMNO pada waktu itu masih muda dan pelbagai usaha dirancang bagi menyatukan orang Melayu. Cadangan itu telah dipersetujui oleh Dato' Onn. Pada ketika itu, Dato' Onn Jaafar menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Johor. Kedatangan Syed Jaafar Albar ke Johor adalah secara berseorangan dan beliau terpaksa meninggalkan keluarganya di Kota Bharu. Di Johor, Syed Jaafar Albar terpaksa menumpang di kuarters pemandu di kediaman Menteri Besar Johor buat sementara waktu beliau sehingga beliau berjaya mendapatkan rumah untuk didiami keluarganya.

Beliau juga tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk pergi ke tempat kerja dan terpaksa menumpang Dato' Onn. Namun, ia bukanlah penghalang bagi Syed Jaafar Albar kerana beliau tahu, untuk berjuang dalam politik tentu ada mahar yang harus dibayar dan mahar itu adalah kesusahan dan keperitan hidup yang perlu dijalaninya. Syed Jaafar Albar berusaha menyatukan semula ahli keluarganya. Setelah berjaya mendapatkan rumah sewa di Johor Bharu, beliau segera membawa isteri dan enam orang anak mereka berpindah ke sana. Penghijrahan kali ini menaiki kapal yang menempuh perjalanan yang sangat mencabar. Syed Hamid masih ingat ada di kalangan ahli keluarga yang mabuk laut dan muntah-muntah sepanjang perjalanan.

Di Johor, Syed Jaafar Albar menetap di berek kerajaan Jalan Storey yang terletak di lereng bukit di belakang rumah bekas Menteri Besar Johor, Ungku Aziz Ungku Abdul Majid. Ungku Aziz mempunyai pertalian dengan kerabat diraja Johor. Rumah yang didiami mereka sekeluarga agak sempit dan hanya mempunyai dua bilik yang kecil. Oleh itu, Syed Jaafar Albar terpaksa menyewa dua unit kediaman bagi menampung keperluan ahli keluarganya. Syed Hamid menceritakan kepada penulis pengalaman beliau yang terpaksa berhimpit dan tidur di atas pangkin kerana ruang bilik yang kecil seperti berada dalam tin sardin. Syed Jaafar Albar menyedari kekurangan yang ada dalam keluarganya dan beliau berusaha mendapatkan rumah yang lebih besar bagi kesejahteraan ahli keluarganya. Tidak lama selepas itu, Syed Jaafar Albar berjaya mendapatkan sebuah rumah yang lebih besar berdepan sebuah kuil di Jalan Mohd Taib. Lokasi rumah ini memudahkan anak-anaknya ke sekolah setiap hari dengan berjalan kaki ke sekolah melalui trek keretapi.

Syed Jaafar Albar menumpahkan seluruh baktinya kepada parti keramat orang Melayu iaitu UMNO. Pada waktu itu UMNO baru sahaja ditubuhkan sebagai penentangan terhadap Malayan Union.

Kejayaan UMNO dalam menggagalkan rancangan *Malayan Union* menjadikan orang Melayu begitu berkobar-kobar untuk mentadbir tanah air mereka sendiri. Dato' Onn Jaafar merupakan arkitek penting dalam penubuhan UMNO dan menyatu-padukan orang Melayu. Tugas Dato' Onn tidak mudah kerana beliau perlu meyakinkan orang Melayu bahawa hanya UMNO yang akan menjadi wadah utama orang Melayu bagi menjamin kelangsungan masa hadapan orang Melayu.

Oleh itu, kempen bagi menarik orang Melayu menyertai UMNO perlu dilakukan bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang peranan dan matlamat parti itu. Tugas ini tidak dilakukan Dato' Onn sendirian. Beliau melantik Syed Jaafar Albar untuk bekerja dengannya. Syed Jaafar Albar menjadi salah seorang kakitangan di pejabat UMNO di Johor Bahru di bawah penyeliaan Dato' Onn. Beliau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Dato' Onn. Beliau sentiasa memberikan sokongan kepada Dato' Onn dalam menyatu padukan orang Melayu di bawah UMNO. Walau bagaimanapun, satu perkara yang unik tentang Syed Jaafar Albar ialah beliau seorang yang berprinsip dan taat setia kepada parti serta tidak menyokong seseorang pemimpin sehingga membawa rebah. Apabila Dato' Onn mula mengkritik UMNO beberapa tahun selepas itu, beliau antara individu yang lantang menentang politik Dato' Onn.

Pada masa itu juga kedudukan kewangan UMNO tidaklah seperti sekarang. Syed Jaafar Albar hanya menerima elaun yang kecil bagi tugas yang diamanahkan kepada beliau. Namun ia tidak mematahkan semangat Syed Jaafar Albar untuk bersama-sama dalam perjuangan orang Melayu. Kehidupan serba mencabar ketika masa kecilnya telah mematangkannya untuk berdepan dengan segala rintangan yang ada di hadapan. Beliau berusaha menambah pendapatan dengan menjadi guru mengaji dan wartawan bebas.

Selain itu, beliau juga aktif menulis di akhbar dan majalah. Kedua-dua medium ini iaitu akhbar dan majalah menjadi wadah utama orang Melayu untuk menyampaikan mesej dan membangkitkan semangat nasionalisme Melayu. Ayah kepada Syed Alwi iaitu Syed Syeikh Al-Hadi mengasaskan *Al-Imam* yang merupakan akhbar pertama di Tanah Melayu seawal tahun 1906 yang membangkitkan kesedaran politik orang Melayu.<sup>11</sup> Begitu juga Dato' Onn yang mengasaskan *Warta Malaya* pada tahun 1930 bagi mengkritik pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu. Peranan akhbar tidak boleh diketepikan kerana ia adalah langkah pertama menyedarkan orang Melayu untuk bangkit dari tidur yang lena dari penjajahan Inggeris.

Secara tidak langsung, selain menambah pendapatan, Syed Jaafar Albar juga dapat menyampaikan mesej kepada orang Melayu dan membangkitkan kesedaran politik orang Melayu. Syed Jaafar Albar sememangnya seorang yang berbakat besar dalam menulis. Sebelum UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, Syed Jaafar Albar pernah menyertai sebuah akhbar yang lantang dalam mengkritik pentadbiran British dikenali sebagai Lembaga Malaya.

Beliau bersama-sama Dato' Onn dan Syed Alwi Al-Hadi pernah menjadi tulang belakang dalam akhbar Lembaga Malaya. Dato' Onn memimpin akhbar dari tahun 1934 sehingga tahun 1936. Syed Alwi Al-Hadi pula dilantik sebagai pengarang dan penerbit akhbar dari tahun 1936 sehingga 1941 manakala Syed Jaafar Albar pula bertindak sebagai penolong pengarang akhbar dari tahun 1938 sehingga tahun 1941. Lembaga Malaya mendapat bantuan kewangan daripada keluarga Syed Alwi Omar Albar yang berketurunan Arab.<sup>12</sup> Akhbar ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama dikhususkan untuk mengkritik peranan British di Tanah Melayu manakala bahagian kedua pula berkisar tentang teguran terhadap masyarakat Melayu yang tidak mempedulikan masa hadapan mereka dalam pelbagai perkara.<sup>13</sup> Ringkasnya peranan yang dimainkan oleh akhbar Lembaga Malaya amat penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme orang Melayu yang keciciran dari kaum lain pada waktu itu.

Permulaan karier politik Syed Jaafar Albar serba mencabar, tidak seperti yang ditanggapi ramai orang bahawa orang politik itu kaya raya, mempunyai banyak duit dan kehidupan serba mewah. Pemikirannya juga sedikit berbeza dengan golongan elit lain. Secara umumnya, terdapat empat aliran pemikiran radikalisme Melayu iaitu orang Melayu yang berpemikiran Kebangsaan Melayu, pemikiran keagamaan Islam, pemikiran sosialis dan pemikiran komunis.<sup>14</sup> Syed Jaafar Albar boleh dikategorikan pemimpin Melayu yang berfikiran Kebangsaan Melayu kerana semangat kebangsaan Melayunya yang tinggi. Namun, di dalam UMNO beliau berbeza dengan golongan elit UMNO lain kerana sahsiah latar belakang beliau berteraskan pendidikan agama berbeza dengan elit politik UMNO lain yang kebanyakannya berpendidikan barat. Tambahan pula status beliau sebagai bekas seorang pendidik yang digelar ustadz menjadikan beliau sedikit berbeza dengan pemimpin lain.

Syed Jaafar Albar bukan dari keluarga berada untuk membiayai aktiviti politik. Pada waktu itu UMNO masih di peringkat baru. Orang Melayu seakan baru mengenali politik. Mereka tidak mempunyai kewangan yang kukuh untuk berpolitik. Oleh itu, menyertai politik bukanlah pilihan yang tepat sekiranya imbuhan dan kesenangan yang diharapkan.

Namun itu, tidak mematahkan semangat Syed Jaafar Albar kerana beliau telah meletakkan nasib dan masa hadapan orang Melayu sebagai matlamat utama untuk menyertai politik. Nasib orang Melayu perlu dibela. Tanah Melayu yang berdaulat perlu dipertahankan daripada ancaman luar. Beliau beranggapan Tanah Melayu perlu dipelihara kesuciannya kerana di sini agama Islam telah bertapak sejak berkurun dahulu. Islam dan Melayu itu dalam satu badan yang sama. Orang Melayu itu Islam, dan orang Islam itu Melayu.

Syed Jaafar Albar melihat satu-satunya jalan untuk menjaga kesucian Islam dan kedaulatan Tanah Melayu ialah melalui politik. Ini kerana hanya dengan politik, orang Melayu akan mendapat kuasa. Orang Melayu juga perlu digerakkan untuk berpolitik. Mereka tidak seharusnya leka dan mudah berpuas hati dengan apa yang mereka miliki. UMNO adalah wadah pilihan terbaik orang Melayu kerana perjuangan parti ini ialah memelihara dan menjunjung kedua-duanya agama Islam dan adat budaya Melayu.

Penglibatan Syed Jaafar Albar dalam politik sangat aktif. Beliau sering meninggalkan rumah berminggu-minggu untuk “menjual UMNO” kepada orang Melayu. Tugas meyakinkan orang Melayu bahawa UMNO satu-satunya wadah politik yang akan memperjuangkan nasib dan masa hadapan orang Melayu bukan satu tugas yang mudah. Ini kerana tanggapan orang Melayu terhadap parti itu berbeza-beza. Ada yang menganggap UMNO adalah ‘anak emas’ Inggeris. Tambahan pula, pucuk pimpinan UMNO terdiri daripada golongan elit dan bangsawan yang mempunyai hubungan baik dengan pihak Inggeris.

Seperti yang dinyatakan, Syed Jaafar Albar bukan daripada golongan ini tetapi beliau berada dalam perjuangan yang sama demi orang Melayu. Oleh itu, sedikit sebanyak beliau turut terkena tempiasnya. Selain itu, UMNO juga berdepan penentangan daripada parti-parti haluan kiri. Apabila UMNO membentuk gabungan dalam Parti Perikatan bersama parti Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC), tugas yang lebih mencabar dipikul Syed Jaafar Albar bagi menerangkan kepada orang Melayu tentang gabungan itu.

Ketika berminggu-minggu Syed Jaafar Albar berkempen politik di luar, isterinya Sharifah Fatimah yang mengambil alih tugasnya sebagai ketua keluarga. Tidak hanya mengurus rumah dan persiapan kelengkapan anak-anak tetapi juga turut melibatkan pengurusan perbelanjaan keluarga. Oleh sebab itu ada kalanya ketika menguruskan hal keluarga, Sharifah Fatimah berdepan masalah kesempitan wang dan

terpaksa meminjam daripada taukeh kedai mamak untuk memastikan anak-anaknya sentiasa cukup makan. Ada kalanya mereka sekeluarga hanya makan nasi berlaukkan ikan bilis dan sardin (yang pada zamani itu amat murah). Namun ia tidak menjadi rungutan antara mereka berdua. Sharifah Fatimah sangat memahami karier politik suaminya dan sentiasa memberi galakan dan dorongan dalam politik terhadap suaminya.

Syed Jaafar Albar terus setia bersama UMNO setelah Dato' Onn meninggalkan UMNO. Di bawah pentadbiran Tun Hussein Onn sebagai Setiausaha Agung UMNO, Syed Jaafar Albar bersama-sama dalam perjuangan UMNO Johor yang beribu pejabat di Johor Bahru. Hubungan antara Tun Hussein Onn dengan Syed Jaafar Albar sangat akrab. Di era Tun Hussein Onn, Syed Jaafar Albar telah dilantik sebagai Ketua Penerangan UMNO. Syed Jaafar Albar adalah 'trompet' bagi UMNO untuk menjaja parti itu kepada orang Melayu walaupun imbuhan yang diperolehinya tidaklah besar.

“Dari mula UMNO ditubuhkan Albar tidak putus-putus mengabdikan dirinya kepada parti. Dialah orang yang menjadi trompet untuk mengembangkan parti ke sana ke mari. Meskipun dia dibayar gaji kerana menjalankan tugas penting sebagai Ketua Penerangan, tetapi tidak banyak orang UMNO yang boleh makan gaji begitu, dan tidak pula sebarang orang yang boleh diterima untuk menjalankan tugas itu pada peringkat awal parti itu ditubuhkan.”<sup>15</sup>

Kesetiaan Syed Jaafar Albar terhadap UMNO tidak pernah berbelah bahagi. Malah beliau ditakdirkan meninggal dunia ketika masih sedang berjuang di dalam UMNO (beliau meninggal dunia ketika mempengerusikan mesyuarat Pemuda di Muar kerana sakit jantung). Beliau aktif bergerak dalam UMNO dari sejak awal penubuhan UMNO dan mendaki hierarki dalam parti itu setapak demi setapak ke atas. Beliau menjadi anggota Majlis Tertinggi UMNO dan setia menyumbang bakti kepada parti itu tanpa ragu. Beliau tewas dalam pemilihan Naib Presiden pada tahun 1975. Khidmat yang agak lama dalam UMNO menjadikan beliau lebih tajam dalam mendepani isu-isu yang melibatkan orang Melayu dan Islam.

Dari penyelidikan yang dilakukan penulis mendapati ramai di kalangan pemerhati politik bersetuju bahawa Syed Jaafar Albar merupakan seorang yang berprinsip, berani, tegas dalam mempertahankan hak dan kedudukan orang Melayu serta tidak mengejar jawatan.<sup>16</sup> Hal ini agak unik kerana lazimnya ramai di kalangan ahli politik mempunyai sikap

yang berlawanan. Prinsip yang sama juga kemudiannya diperturunkan kepada anakandanya Syed Hamid dalam berpolitik. Dalam beberapa isu di bawah dapat diperhatikan sikap dan prinsip Syed Jaafar Albar sesuai dengan gelaran yang diperolehinya 'Singa UMNO'.

### **Seorang Yang Berprinsip**

Syed Jaafar Albar pernah menolak untuk dicalonkan bertanding dalam Pilihan Raya Umum tahun 1955. Keputusan itu diambil kerana tidak bersetuju dengan pengenalan sistem pemilihan yang diperkenalkan pihak Inggeris. Dalam pemilihan ini, Inggeris mencadangkan hanya 52 orang daripada 100 orang anggota Majlis Perundangan Persekutuan dibenarkan bertanding manakala selebihnya dipilih oleh Pesuruhjaya Tinggi melalui rundingan dengan parti yang menang dalam pilihan raya tersebut. Syed Jaafar Albar membantah peraturan yang dikenakan Inggeris dan menuntut agar kebebasan memilih diberikan seratus peratus. Menariknya Syed Jaafar Albar menolak untuk bertanding walaupun dicalonkan.

Dalam kes ini dapat diperhatikan bagaimana Syed Jaafar Albar tegas dengan prinsipnya walaupun terpaksa membelakangkan keputusan parti dan pihak Inggeris. Selain itu, Syed Jaafar Albar menunjukkan kesungguhannya untuk tidak berebut dan gilakan jawatan untuk bertanding. Keyakinan beliau pada rezeki yang ditentukan Allah mengatasi pergantungannya kepada manusia. Syed Jaafar Albar hanya bersetuju untuk bertanding dalam pilihan raya lima tahun kemudian selepas semua syarat dipenuhi pihak Inggeris. Sifat mulia ini diwariskan kepada anakandanya Syed Hamid dalam politik. Dalam bab berikutnya dapat dilihat Syed Hamid juga mengamalkan prinsip yang sama, tidak mahu berebut jawatan dalam politik.

Selain itu, Syed Jaafar Albar juga sangat tegas dalam sesuatu perkara. Sebagai contoh, pada tahun 1955, beliau pernah menghalang beberapa ahli parlimen daripada Sosialis Front dari memasuki Dewan Rakyat kerana tidak berpakaian lengkap dengan tali leher dan kot. Akibatnya dewan terpaksa ditangguhkan seketika bagi memberi laluan ahli parlimen ini memakai pakaian yang sesuai. Walaupun tindakan Syed Jaafar Albar ini dianggap terlalu keras namun beliau beranggapan kemuliaan dewan adalah lebih utama untuk dipatuhi dari perkara yang lain.

Di awal pembentukan Malaysia, Syed Jaafar Albar tidak bersetuju dengan persetujuan sedia ada kerana melihat ia akan merugikan orang Melayu. Walau bagaimanapun, setelah beberapa proses penelitian dan

perbincangan berlaku dalam Majlis Tertinggi UMNO, keputusan telah dibuat agar Syed Jaafar Albar menjadi suara parti untuk mempertahankan setiap keputusan parti. Begitu juga ketika Singapura keluar dari Malaysia. Walaupun Syed Jaafar Albar lantang menentang Lee Kuan Yew yang menuduh beliau sebagai pencetus kepada rusuhan perkauman antara kaum Melayu dan Cina di Singapura pada tahun 1964, beliau antara pemimpin UMNO yang tidak bersetuju apabila Singapura bertindak keluar daripada Malaysia. Baginya pemisahan itu perlu mengambil sentimen rakyat keseluruhannya. Syed Jaafar Albar berpegang kuat dengan prinsip apabila beliau meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung UMNO dua hari selepas Singapura keluar daripada Malaysia. Ramai di kalangan pemimpin UMNO berpendapat ketiadaan beliau dalam Majlis Tertinggi UMNO adalah satu kehilangan besar kepada parti kerana UMNO telah kehilangan seorang *trouble shooter*.<sup>17</sup> Ini kerana beliau masih bertenaga dan masih diperlukan dalam kepimpinan UMNO untuk membela nasib orang Melayu.

Dalam isu pemecatan Dr. Mahathir dari UMNO oleh Tunku pada tahun 1969, Syed Jaafar Albar tidak bersetuju dengan tindakan Tunku kerana membelakangkan kehendak ahli parti. Beliau lebih mengutamakan maruah parti dan suara akar umbi berbanding pemimpin atasan. Baginya setiap keputusan tidak seharusnya membelakangkan keputusan parti. Syed Jaafar Albar juga pernah menolak pencalonan beliau sebagai Ketua UMNO Bahagian Parti kerana tidak bersetuju dengan seorang lagi calon yang bertanding.

## Nasionalis Melayu

Syed Jaafar Albar digolongkan sebagai nasionalis Melayu sebaris dengan nama beberapa nama pemimpin awal UMNO seperti Musa Hitam dan Syed Nasir.<sup>18</sup> Dalam UMNO, ketiga-tiga mereka diidentifikasi sebagai “Kumpulan Johor.” Syed Jaafar merupakan antara pemimpin Melayu yang lantang dalam mempertahankan hak dan kedudukan orang Melayu. Oleh sebab itu, beliau bersama-sama dengan pemimpin Melayu lain seperti Dr. Mahathir dan Syed Nasir digelar ‘ultra’ oleh Lee Kuan Yew dan Tunku Abdul Rahman.<sup>19</sup>

Gelaran ‘ultra’ pertama kali digunakan Lee Kuan Yew kepada ahli UMNO yang radikal dalam mempertahankan hak-hak keistimewaan orang Melayu dan Islam. Namun, Tunku Abdul Rahman juga turut menggunakan gelaran ‘ultra’ kepada beberapa ahli UMNO yang berani untuk tidak sehaluan dengan beliau terutama dalam hal-hal melibatkan

kepentingan orang Melayu. Ini kerana pendekatan yang digunakan Tunku agak berbeza dengan kumpulan ini.

Secara umumnya, mereka yang dikelaskan dalam kumpulan ini tidak menuntut sesuatu penindasan dilakukan kepada kaum lain tetapi mereka hanya mempertahankan apa yang telah termaktub di dalam sejarah khususnya perkara yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu. Alex Josey yang pernah menjadi penasihat Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew mengelaskan tiga kategori politik Melayu iaitu kanan, kiri dan pertengahan. Golongan kanan juga digelar sebagai ultra yang menganggap Tanah Melayu hanya milik orang Melayu. Kumpulan kiri pula ialah golongan elit politik yang moden dan sofistikated. Kumpulan pertengahan pula yang agak sederhana seperti Tun Razak.

Menurut Alias Mohamad, Musa Hitam juga dikelaskan sebagai ultra oleh Tunku Abdul Rahman.<sup>20</sup> Kumpulan ultra ini dianggap sebagai nasionalis Melayu tulen kerana mereka lantang mempertahankan kedudukan orang Melayu berbanding pemimpin lain yang agak *moderate* dan menurut setiap keputusan Tunku. Lebih mengecewakan apabila nama pemimpin Melayu ini tidak mendapat liputan yang luas dalam penulisan sejarah politik Melayu.

Sifat tolak-ansur Tunku dengan bangsa asing dan beberapa keputusan yang dibuat beliau tidak disenangi pemimpin Melayu ultra kerana ia akan meletakkan nasib orang Melayu dalam bahaya. Cheah Boon Kheng misalnya mendapati pentadbiran Tunku lebih bersifat *inclusive* dengan memberi banyak ruang kepada kaum bukan Melayu berbanding *exclusive* seperti yang dituntut oleh nasionalis Melayu atau Melayu ultra.<sup>21</sup> Malah Tunku turut melembutkan nasionalisme Melayu dalam beberapa perkara:

“In promoting pluralism after Malaya’s independence, the Tunku administration decided to “dilute” or “soften” Malay nationalism. It played down “Malayness”, the Malay language, Islam and royalty—the four pillars of Malay nationalism.”<sup>22</sup>

Malah Tunku juga menunjukkan pendiriannya yang berbeza-beza dalam mempertahankan kedudukan orang Melayu. Di awal pembentukan gabungan UMNO-MCA dalam Parti Perikatan pada 30 Jun 1952 menyatakan pendiriannya bahawa “Malaya is for the Malays and it should not be governed by a mixture of races. The Malays must safeguards their rights over this land, which is ours, for the benefit of our future generation.”<sup>23</sup> Walau bagaimanapun prinsip Tunku tentang orang Melayu ini berubah setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Alex Josey menjelaskan:

“As a Malaysian, the Tunku had to reject the “Malaya belongs to the Malay” demand and speak of tolerance and progress, of Malaysian citizenship which embraced those qualified by birth or residence to call themselves Malaysians.”<sup>24</sup>

Dalam satu insiden, Syed Jaafar Albar menjadi antara empat nasionalis Melayu bersama-sama dengan Dr. Mahathir, Musa Hitam dan Syed Nasir yang mempertahankan kedudukan orang Melayu yang semakin dipinggirkan Tunku. Isu ini mula mendapat publisiti apabila sepucuk surat yang ditulis oleh Dr. Mahathir yang mengkritik Tunku yang terlalu berlembut dengan kaum bukan Melayu sehingga menyebabkan kaum Melayu dipinggirkan dari mendapat manfaat daripada kerajaan yang dipimpin Tunku. Antara kritikan terhadap kerajaan pimpinan Tunku gagal melihat ketidakseimbangan ekonomi orang Melayu yang tercicir dari orang Cina. Selain itu, beberapa isu lain juga turut berkaitan antaranya ialah Akta Bahasa 1967 yang memberi faedah kepada orang bukan Melayu dan kerajaan Tunku yang terlalu bersifat feodal yang menekankan kesetiaan berbanding pencapaian yang akhirnya menekan orang Melayu.

Pada tahun 1967, persatuan sekolah-sekolah Cina disokong oleh pemimpin MCA, T.H Tan dan Khaw Kai Boh telah mendesak kerajaan untuk membina Universiti Merdeka. Tindakan persatuan Cina ini tidak disenangi oleh nasionalis Melayu. Serentak dengan itu berlaku tuntutan tentang isu Bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan. Syed Nasir misalnya telah menghantar memorandum setebal 13 muka surat kepada Tunku dan barisan kabinet bagi mengkritik dasar Tunku yang meminggirkan Bahasa Melayu dan mesra kaum Cina. Syed Nasir mendapat sokongan Dr. Mahathir, Dato Harun Idris dan Abdul Rahman Yaakub tetapi Tunku bertindak menyekat kemaraan Syed Nasir.

Tunku berpendapat perlu ada keseimbangan dalam isu bahasa. Tunku memihak kepada MCA yang menuntut agar pendekatan yang lebih liberal diguna pakai bagi membenarkan bahasa Cina digunakan dalam notis kerajaan, papan tanda dan pengumuman yang telah membangkitkan kemarahan orang Melayu.

Kemarahan orang Melayu seperti api dalam sekam yang kemudiannya marak dua tahun kemudian dalam tragedi 13 Mei 1969 apabila kaum Cina memprovokasi orang Melayu setelah memenangi pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Kemarahan orang Melayu itu telah menyebabkan Tunku dikritik hebat. Syed Jaafar Albar, Syed Nasir dan Dr. Mahathir telah mengusulkan agar MCA dikeluarkan daripada kerajaan yang diterbitkan dalam akhbar *Utusan Melayu* bertarikh 5 Jun 1969.<sup>25</sup>

# IDEALIS

SYED HAMID ALBAR

*Idealis Syed Hamid Albar* mengisahkan sebuah kisah perjalanan kehidupan Tan Sri Dr Syed Hamid Albar dan keterlibatan diri beliau dalam dunia politik tanah air.

Permulaan cerita mengisahkan sosok tubuh yang dikenali ramai, ayahandanya Tan Sri Jaafar Albar yang mempunyai kewibawaan yang tinggi dan perjuangan dalam menegakkan hak-hak orang Melayu dalam UMNO. Ketegasan yang dibawa oleh beliau memberi inspirasi kepada dirinya. Ketika masa kecil, beliau dididik dengan sebaiknya oleh ayahanda dan ibundanya. Beliau mempelajari selok-belok kehidupan yang dilalui oleh ayahandanya.

Setelah berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang undang-undang di luar negara, beliau kembali ke tanah air untuk memberi sumbangan semula pada negara.

Beliau memegang beberapa portfolio penting dan kemuncaknya sebagai seorang menteri kabinet. Walaupun dirinya berhadapan dengan pelbagai rintangan, beliau membawa prinsip untuk kekal tenang dan bersikap rasional dengan setiap perkara yang berlaku.

Biografi ini mendedahkan jatuh bangun beliau dalam politik terutamanya dalam parti keramat UMNO.

**ilhambooks**

[www.ilhambooks.com](http://www.ilhambooks.com)

